

Headline	THT wajib menang dua baki aksi		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	16 Sep 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	55
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 8,355		



# THT wajib menang dua baki aksi

**Kuala Lumpur:** Pasukan Hoki Terengganu (THT) berdepan misi hidup dan mati apabila perlu menewaskan peneraju Sapura hari ini, bagi menghidupkan peluang mempertahankan kejuaraan Liga Premier Hoki Malaysia (MHL)-TNB 2016.

Juara bertahan dua tahun berturut-turut itu kini ketinggalan dua mata di belakang Sapura dalam perebutan gelaran sekali gus menyaksikan mereka kini tiada jalan lain selain perlu menang dua baki perlawanan liga musim ini.

Bagaimanapun, ia bukan tugas mudah buat skuad kenda-

lian Sarjit Singh apabila lawan mereka yang mendapat sentuhan magis jurulatih berpengalaman Yahya Atan tentunya bersemangat memburu kemenangan selepas segar dengan kejayaan menjuarai Piala Tan Sri P Alagendra, Selasa lalu.

## Dijangka sengit

Bagi Sarjit, pertemuan kedua-dua pasukan itu pasti sengit, namun tetap yakin kemenangan akan memihak kepada THT atas alasan kelebihan beraksi di laman sendiri - Stadium Hoki Batu Buruk.

"Penyokong kami 100 peratus sentiasa di belakang kami, jadi saya tidak rasa barisan pemain saya akan mengecewakan mereka. Saya yakin tiga mata mampu dikutip kami."

"Cuma kami perlu berhati-hati dengan kelibat Firhan Ashaari yang juga bekas penyerang kami kerana sejak kehadirannya Sapura tampak lebih tajam di bahagian serangan," katanya semalam.

Malah, THT pasti mahu menjadikan pertemuan ini sebagai medan membalas dendam di atas kekalahan 2-0 kepada Sapura dalam aksi pusingan pertama liga

tempoh hari, sambil berharap Tenaga Nasional Berhad (TNB) melakar kejutan ke atas KLHC.

"Bagi saya kekalahan di tangan Sapura sebelum ini bukan sebab mereka lebih kuat, tetapi kerana kami gagal menyempurnakan lapan peluang menerusi pukulan sudut penalti berbanding mereka yang memanfaatkan dua pukulan sama yang diperoleh."

Andai kalah dalam pertemuan hari ini, aksi terakhir liga berdepan TNB pada Ahad ini sudah tidak membawa sebarang makna lagi buat THT.

Oleh Naqib Nor Said